



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
AGENSII ANGKASA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SISTEM PENGURUSAN PERIKANAN BERSEPADU BERASASKAN TEKNOLOGI ANGKASA (SISTEM MyDOFGiS) TINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN AKTIVITI SEKTOR PERIKANAN

SERDANG, 19 September 2024 - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menandatangani satu nota kerjasama pada hari ini yang berlangsung di Dewan D, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Kerjasama ini merupakan kesinambungan daripada kerjasama strategik yang telah dimulakan sejak tahun 2018 menerusi pembangunan Sistem Pengurusan Kawalan Biosekuriti Perikanan (Sistem bioDOF-Map) yang terhad kepada ladang ternakan ikan hiasan dan ikan makan, meliputi enam (6) zon biosekuriti perikanan iaitu ladang ikan emas di Johor (Kluang, Kulai dan Johor Bahru), ladang ikan koi di Perak (Kuala Kangsar dan Kinta) dan ikan makan di Pekan, Pahang.

Jalinan kerjasama strategik ini juga seiring dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN2.0) dan komitmen MYSA dalam menerajui pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) serta selaras dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang diterajui oleh MOSTI.

Mengorak langkah ke hadapan atas impak baik penggunaan Sistem bioDOF-Map, bermula tahun 2023, kedua-dua pihak bersetuju untuk **meluaskan fungsi sistem kepada penglibatan semua aktiviti sektor**

perikanan dan akuakultur, meliputi zon darat, pesisir pantai dan juga marin di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Sistem ini kini dikenali sebagai Sistem Pengurusan Perikanan Bersepadu Berasaskan Teknologi Angkasa (Sistem MyDOFGiS).

Sistem MyDOFGiS yang dibangunkan oleh MYSA ini berteraskan teknologi angkasa meliputi teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*), Sistem Maklumat Geografi [*Geographical Information System (GIS)*], Sistem Penentuan kedudukan Sejagat [*Global Positioning System (GPS)*] dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi [*Information and Communication Technology (ICT)*].

Sistem MyDOFGiS ini dapat meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat perikanan bagi tujuan pengurusan dan perancangan yang komprehensif, meningkatkan keberkesanan dalam pemantauan dan cerapan data perikanan, memudahkan pengurusan regulasi keselamatan makanan untuk memenuhi perundangan bagi pemasaran produk perikanan serta memudahkan penyebaran informasi perikanan kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Melalui kerjasama awal ini, sebanyak 19 ladang dari tiga (3) negeri iaitu Johor, Perak dan Pahang di kawasan perintis telah dipetakan yang dilaksanakan secara berperingkat. Manakala di dalam Sistem MyGOFGiS, maklumat GIS dibahagikan kepada enam (6) komponen utama perikanan iaitu, maklumat asas, akuakultur dan biosekuriti, konservasi dan perlindungan perikanan, perikanan tangkapan, pengembangan perikanan serta penyelidikan dan pembangunan perikanan. Buat masa ini, akses kepada sistem terhadap kepada penggunaan DOF namun akan dibuka kepada pengguna awam setelah lengkap sepenuhnya tertakluk tahap sensitiviti data.

Kerjasama ini memperlihatkan komitmen KPKM melalui DOF dalam mengaplikasi teknologi terkini untuk meningkatkan pengeluaran dan daya saing sektor perikanan di peringkat global, mengurangkan risiko penyakit ikan dan meningkatkan pemuliharaan sumber perikanan melalui pemantauan kawasan perlindungan marin dan zon tangkapan perikanan. Menjelang tahun 2030, penggunaan sistem ini dijangka dapat menyumbang 10 peratus peningkatan hasil dengan nilai sebanyak RM854 juta. DOF juga berhasrat untuk terus

memperkasakan komuniti perikanan dengan kemahiran dan pengetahuan baru menerusi latihan dan bimbingan berterusan bagi memastikan semua pihak yang terlibat termasuk pengusaha akuakultur dan nelayan dapat memanfaatkan sepenuhnya teknologi yang diperkenalkan ini.

Sementara itu, MOSTI melalui MYSA juga sentiasa komited dalam menyediakan penyelesaian menyeluruh menerusi penggunaan teknologi angkasa. Justeru melalui perancangan yang teliti, pembaharuan kerjasama ini dijangka akan memetakan sehingga 8327 ladang di seluruh Malaysia yang meliputi komponen ikan makan sebanyak 7492 dan ikan hiasan 835 sekali gus dapat mengoptimumkan lagi kemampuan sistem dan manfaatnya kepada rakyat serta dapat memperkasa jaringan perkongsian maklumat geospasial bagi memenuhi keperluan kedua-dua jabatan.

Nota kerjasama ini ditandatangani oleh YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah DOF dan YBrs. Gs. Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA, disaksikan oleh YB. Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Hadir sama, YBrs. Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), DOF dan YBrs. Puan Nik Mazlina binti Nik Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal dan Operasi), MYSA serta pegawai kanan dan ahli projek kedua-dua agensi.

TAMAT

Dikeluarkan bersama oleh;

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)

Maklumat perhubungan:

DOF

Dr. Azhar bin Hamzah,
Pengarah Kanan
Institut Penyelidikan Perikanan
azhar@dof.gov.my | 019-463 9254

MYSA

Puan Norafiza Saleha binti Sahlan
Pengarah
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
fiza@mysa.gov.my | 016-263 1020

Puan Nor Diana binti Mohamad Sadek
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
diana.sadek@mysa.gov.my | 016-324 1593